

11 JAN 2003

Mahathir-MCA/I

PM AKAN PUTUSKAN KEDUDUKAN DR LING PADA WAKTU SESUAI

PUTRAJAYA, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih belum memutuskan sama ada untuk menerima atau menolak pemohonan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik untuk berundur daripada jawatan Kabinet.

"Saya akan membuat keputusan apabila masanya sesuai dan mengikut keutamaan kerajaan kerana saya perlu pertimbangkan dengan cermat apabila menggantikan seorang Menteri dalam portfolio penting," kata beliau kepada pemberita selepas bertemu dengan sekumpulan 84 pengakap dari United Kingdom di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya bila beliau akan memutuskan kedudukan Dr Ling dalam Kabinet selepas Menteri Pengangkutan itu menyatakan hasratnya untuk berundur melalui sepucuk surat bertarikh 15 Ogos lepas.

Ditanya lagi sama ada Perdana Menteri ada menerima cadangan pengganti bagi Dr Ling daripada MCA, Dr Mahathir berkata tidak.

Mengenai pertemuan beliau bersama Setiausaha Hal Ehwal Luar dan Komanwel Britain Jack Straw semalam, Dr Mahathir berkata Malaysia menyatakan rasa kesalnya berhubung nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh negara itu kepada rakyatnya yang meminta mereka mengelakkan rantau ini.

Beliau berkata, mereka harus lebih spesifik apabila mengeluarkan nasihat perjalanan seperti itu.

Mengenai Iraq, Dr Mahathir berkata beliau berharap akan berlaku sesuatu yang "ajaib" untuk menghalang serangan terhadap Iraq.

Perjumpaan Perdana Menteri dengan para pengakap berkenaan berlangsung selama sejam.

Pengakap remaja berumur dari 14 hingga 17 tahun itu merupakan kumpulan pertama 800 pengakap daripada United Kingdom yang akan melawat Malaysia selepas menghadiri Jambori Pengakap Sedunia ke-20 di Thailand hujung tahun lepas.

Para pengakap itu berpeluang berinteraksi dengan Dr Mahathir dalam pertemuan itu yang turut dihadiri Ketua Pengakap Negara Tan Sri Dr Sulaiman Daud dan Ketua Persuruhjaya Pengakap Negara Datuk Hamidin Abdullah.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi British Bruce Cleghorn dan Kuasa Usaha Sweden Johan Borgstam.

Selain mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, para pengakap remaja itu turut mengikuti Program Keluarga Angkat melibatkan 100 keluarga angkat di Perak, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Pahang dan Wilayah Persekutuan.

Mereka berada di Malaysia sehingga esok atas usaha Persekutuan Pengakap Malaysia berikutan cadangan kedutaan mereka di negara ini.

-- BERNAMA

AT AZZ PR